

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Welcome Centre
Sent: Monday, July 23, 2018 5:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: UJI MINDA MANTAP JATI DIRI SMK DATO' LELA PAHLAWAN PADANG SERAI KEDAH



23 JULAI 2018 / 10 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

UJI MINDA MANTAP JATI DIRI SMK DATO' LELA PAHLAWAN PADANG SERAI KEDAH



ANJUNG TAMU ONLINE: Enam Alumni UUM yang terdiri daripada guru Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Lela Pahlawan (SMKDLP) Padang Serai, Kulim, Kedah membuat persediaan awal bagi melahirkan generasi muda yang mempunyai kekuatan dari segi spiritual dan mental agar siapsiaga dalam apa jua rintangan di masa hadapan.

Seiring dengan itu, ketibaan 52 pelajar bersama guru pengiring ke Welcome Centre sebagai destinasi pertama telah diangkat sebagai satu pengisian dalam kem kecemerlangan akademik anjuran Jabatan Teknik dan Vokasional SMKDLP dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) bagi mencerna jati diri selain membentuk potensi pelajar.

Di samping Discover UUM, suntikan motivasi diberikan kepada pelajar apatah lagi menyedari hakikat bahawa generasi muda ini merupakan tunjang dan nadi kekuatan negara yang memerlukan ilmu dan latihan berterusan.

Senada itu, Penolong Kanan Ko-Kurikulum SMKDLP, Nor Azah Mohamad sewaktu mengikuti penerangan tentang universiti pengurusan terkemuka berharap Discover UUM dapat membuka minda dan meningkatkan motivasi pelajar untuk mencapai keputusan cemerlang.

Menurutnya,

“Memberi peluang kepada pelajar untuk merasai suasana di UUM.”

“Mendorong pelajar meneruskan pengajian ke universiti di masa hadapan.”

“Semoga memberi kesedaran serta memantapkan keyakinan diri di kalangan pelajar.”

Sementara itu, salah seorang Alumni UUM yang juga guru Kanan Teknik dan Vokasional, Nini Mohd Shariff berkata,

“Sungguh teruja dengan pembangunan UUM selepas 24 tahun meninggalkan UUM.”

“Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan kem yang meninggalkan impak yang positif kepada SMKDLP.”

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.